

18 JAN 2004

Abdullah-Laos

KUNJUNGAN ABDULLAH PERTINGKAT HUBUNGAN MALAYSIA-LAOS

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

VIENTIANE, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan tiba di sini, esok dalam siri kunjungan hormat beliau ke ibu negara anggota-anggota Asean selepas mengambil alih pucuk pimpinan negara pada 31 Okt lepas.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan Malaysia sejak negara dengan lima juta penduduk itu menyertai Asean pada Julai 1997.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu pada 1994 semasa Vientiane membuat persiapan untuk menjadi sebahagian daripada perkumpulan serantau itu.

Laos dan Myanmar diterima masuk secara rasmi sebagai anggota Asean semasa persidangan perkumpulan itu di Kuala Lumpur.

Detik-detik itu pasti sukar dilupakan oleh Abdullah kerana beliau semasa itu merupakan Menteri Luar yang mempengerusikan Mesyuarat Menteri-menteri Asean yang menyaksikan penerimaan Laos dan Myanmar sebagai anggota Asean yang kelapan dan kesembilan.

Kemboja menyertai perkumpulan itu dua tahun kemudian.

Abdullah yang banyak berpengalaman mengendalikan hal ehwal antarabangsa telah menjalin perikatan dan persahabatan erat bersama pemimpin-pemimpin serantau termasuk Menteri Luar Laos Somsavad Lengsavat, yang berada di Kuala Lumpur pada 1997 bagi detik bersejarah itu.

Somsavad juga kini memegang peranan lebih besar sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Lawatan ini ditunggu-tunggukan oleh para pemimpin Laos kerana mereka menghargai komitmen utuh Malaysia dalam dasarnya 'makmurkan jiran'.

"Malaysia merupakan antara lima pelabur terbesar di Laos dan penyertaan kita di sini sangat dihargai," kata seorang pegawai kedutaan Malaysia di sini.

Beliau berkata pelaburan Malaysia di negara itu adalah pelbagai daripada sektor pelancongan seperti hotel dan pusat percutian, hinggalah pembinaan dan pertanian.

Bendera Malaysia dan Laos bersama sepanduk yang meminta hubungan lebih akrab antara kedua-dua negara di pasang di beberapa tempat di bandaraya ini di sepanjang jalan-jalan daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay.

Perdana Menteri dijangka mengesahkan semula keazaman Malaysia untuk bekerjasama dengan Laos dalam program pembangunannya selaras dengan usaha-usaha untuk merapatkan jurang antara anggota-anggota baru Asean dan negara-negara pengasas perkumpulan serantau itu.

Diasaskan pada 1967 bersama Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura sebagai anggota pengasas, Asean sejak itu telah berkembang dengan penyertaan Brunei, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.

Laos, merupakan satu-satunya negara Asean yang dikelilingi daratan dan bersempadan dengan China, Vietnam, Kemboja, Thailand dan Myanmar.

Abdullah dijadual mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri Laos Bounnhang Vorachith, yang melawat Malaysia pada 2001, dan akan melakukan kunjungan hormat terhadap Presiden Khamtay Siphandone.

Wisma Putra berkata lawatan itu dijangka meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan Laos yang akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak Asean pada tahun ini.

Laos juga akan menganjurkan Forum Pelancongan Asean dari 30 Januari hingga 7 Februari -- antara insiatif ketara yang diusahakan oleh

perkumpulan itu.

Abdullah berpendapat yang keamanan berkekalan dan kestabilan di rantau hanya boleh dicapai melalui rundingan dan kerjasama di kalangan negara-negara anggota.

Beliau membawa bersama mesej ini dalam "kunjungan hormat" beliau itu yang sehingga ini telah membawa beliau ke Bandar Seri Begawan, Jakarta, Singapura dan Thailand sebelum sampai di Vientiane.

Beliau dijadual melengkapkan kunjungannya ke semua negara anggota Asean menjelang hujung bulan ini.

Sementara berada di sini, Abdullah juga akan bertemu dengan masyarakat Malaysia yang jumlahnya ialah antara 80 hingga 100 orang di Vientiane, yang disebut di sini sebagai "Wieng Chan".

Satu majlis tandatangan perjanjian antara Exxim Bank of Malaysia dan Sun Holdings Co. Ltd. juga dijadual berlangsung sempena dengan lawatan Abdullah.

Perdana Menteri akan berlepas ke Manila pada lebih kurang pukul 4 petang waktu tempatan esok.

-- BERNAMA

AZZ AZZ SOM PR